


**SOALAN LAZIM (FAQ) BERHUBUNG PELAKSANAAN  
PELESENAN TERMINAL DEPOH KONTENA  
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**


**PELESENAN TERMINAL DEPOH KONTENA**

	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>
<b>1.</b>	Siapakah yang bertanggungjawab untuk melesenkan terminal pengangkutan awam darat?	Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).
<b>2.</b>	Siapakah yang perlu dilesenkan?	Mana-mana orang atau pihak yang menjalankan operasi terminal depoh kontena di kawasan selain daripada kawasan yang diwartakan di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelabuhan 1963 [Akta 488] atau Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 [Akta 140] hendaklah <b><u>membuat permohonan lesen terminal depoh kontena</u></b> dengan APAD.
<b>3.</b>	Apakah yang dimaksudkan dengan depoh kontena?	Depoh kontena ialah kawasan penyimpanan kontena yang digunakan bagi import atau eksport barangan di mana-mana kawasan selain kawasan yang diwartakan di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelabuhan 1963 [Akta 488] atau Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 [Akta 140].
<b>4.</b>	Apakah yang dimaksudkan dengan operasi terminal depoh kontena?	Operasi terminal depoh kontena ialah <b>apa-apa perkhidmatan atau aktiviti berkaitan dengan pengambilan, penghantaran, penyimpanan dan pembaikan kontena kosong atau lain-lain aktiviti yang berkaitan dalam terminal depoh kontena</b> termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Kutipan fi terminal depoh kontena;</li> <li>(b) Pengurusan dan pengawalseliaan operasi terminal depoh kontena;</li> <li>(c) Pengurusan dan penyenggaraan; dan</li> <li>(d) Sistem keselamatan sekuriti.</li> </ul>
<b>5.</b>	Saya pemilik depoh kontena tetapi saya telah membuat perjanjian melantik pihak ketiga untuk mengoperasikan terminal.  Adakah saya perlu dilesenkan?	<b>TIDAK.</b> Pemilik depoh kontena yang telah melantik pihak ketiga tidak perlu membuat permohonan lesen. Pihak yang perlu memohon lesen adalah pihak ketiga.
<b>6.</b>	Bagaimanakah cara	Melalui sistem iSPKP modul pelesenan terminal depoh kontena.

	Soalan	Jawapan												
	<p>permohonan lesen dan apakah kriteria atau syarat untuk memohon lesen terminal depoh kontena?</p>	<p>Sila ikuti panduan pendaftaran menerusi pautan <a href="https://iportal.ispkk.gov.my">https://iportal.ispkk.gov.my</a>.</p> <p>Syarat permohonan lesen boleh dirujuk melalui Keperluan Tahap Perkhidmatan (syarat lesen) dan garis panduan dalam portal APAD.</p>												
7.	<p>Apakah kriteria minimum sesebuah depoh kontena?</p>	<p>Kriteria minimum sesebuah depoh kontena adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Mempunyai lesen terminal depoh kontena yang masih berkuat kuasa semasa beroperasi;</li> <li>b) Semua dokumen, kebenaran dan perakuan lain oleh agensi-agensi yang berkaitan masih sah selama tempoh lesen berkuat kuasa;</li> <li>c) Menggunakan aplikasi sistem pengurusan kontena bagi proses tempahan pengambilan dan penghantaran kontena kosong;</li> <li>d) Waktu operasi standard yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan waktu tempahan syarikat pengangkutan;</li> <li>e) Semua kemudahan dan peralatan dalam terminal depoh kontena berfungsi dengan baik, selamat dan mencukupi serta bersesuaian dengan kapasiti operasi terminal depoh kontena.</li> <li>f) Lain-lain perkara yang dinyatakan dalam Keperluan Tahap Perkhidmatan atau KTP (syarat lesen) pelesenan terminal depoh kontena.</li> </ul>												
8.	<p>Adakah permohonan ini akan lulus secara automatik apabila syarikat berjaya mendaftar permohonan?</p>	<p><b>TIDAK.</b> Setiap permohonan akan dinilai dan diluluskan oleh APAD dalam tempoh 14 hari bekerja, tertakluk kepada dokumen lengkap yang dikemukakan oleh pemohon.</p>												
9.	<p>Berapa jumlah fi pelesenan yang akan dikenakan kepada pemohon?</p>	<p>Fi pelesenan terminal depoh kontena adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="655 1570 1453 1995"> <tbody> <tr> <td>Keluasan depoh 0.1 - 1.0 ekar</td> <td>RM1,575.00 setahun</td> </tr> <tr> <td>Keluasan depoh 1.1 - 3.0 ekar</td> <td>RM5,985.00 setahun</td> </tr> <tr> <td>Keluasan depoh 3.1 - 5.0 ekar</td> <td>RM12,075.00 setahun</td> </tr> <tr> <td>Keluasan depoh 5.1 - 10.0 ekar</td> <td>RM22,575.00 setahun</td> </tr> <tr> <td>Keluasan depoh 10.1-15.0 ekar</td> <td>RM37,800.00</td> </tr> <tr> <td>Keluasan depoh 15.1 ekar dan ke atas</td> <td>RM52,500.00</td> </tr> </tbody> </table>	Keluasan depoh 0.1 - 1.0 ekar	RM1,575.00 setahun	Keluasan depoh 1.1 - 3.0 ekar	RM5,985.00 setahun	Keluasan depoh 3.1 - 5.0 ekar	RM12,075.00 setahun	Keluasan depoh 5.1 - 10.0 ekar	RM22,575.00 setahun	Keluasan depoh 10.1-15.0 ekar	RM37,800.00	Keluasan depoh 15.1 ekar dan ke atas	RM52,500.00
Keluasan depoh 0.1 - 1.0 ekar	RM1,575.00 setahun													
Keluasan depoh 1.1 - 3.0 ekar	RM5,985.00 setahun													
Keluasan depoh 3.1 - 5.0 ekar	RM12,075.00 setahun													
Keluasan depoh 5.1 - 10.0 ekar	RM22,575.00 setahun													
Keluasan depoh 10.1-15.0 ekar	RM37,800.00													
Keluasan depoh 15.1 ekar dan ke atas	RM52,500.00													

	Soalan	Jawapan
10.	Berapa lama tempoh sah laku lesen?	<p>Tempoh sah laku lesen adalah satu (1) tahun mengikut tahun kalendar dan perlu diperbaharui pada setiap tahun dan tiada <i>prorate</i> bagi fi pelesenan. Sekiranya permohonan dibuat pada bulan Januari atau selepas Januari tahun semasa, tempoh kelulusan adalah tarikh permohonan dengan dibuat pada tahun kalendar semasa.</p> <p>Contoh: Sekiranya pemohon mengemukakan permohonan pada 2.2.2026, maka tarikh sah laku lesen adalah bermula 2.2.2026 sehingga 31.12.2026 dan fi lesen tahunan adalah penuh.</p>
11.	Adakah pemegang lesen terminal boleh mengenakan fi pintu depoh lebih daripada ketetapan pihak Kerajaan?	<b>TIDAK.</b>
12.	<p>Adakah pihak syarikat perlu mengemukakan permohonan bagi kawasan tambahan yang digunakan untuk meletakkan kontena kosong secara sementara di luar kawasan sedia ada seperti dalam tempoh 6 bulan sahaja?</p> <p>Sekiranya ya, adakah fi lesen tahunan juga akan dikenakan secara penuh atau boleh secara <i>prorate</i>?</p>	<p><b>YA.</b> Pihak syarikat perlu mengemukakan permohonan bagi kawasan tambahan tersebut sekiranya fi pintu depoh dikenakan kepada pengguna.</p>  <p>Fi pelesenan pula adalah mengikut tahun kalendar dan tiada <i>prorate</i>.</p>
13.	Bagaimana cara jika ada pihak atau syarikat yang berhasrat untuk membangunkan terminal depoh kontena di mana-mana negeri atau daerah di Semenanjung Malaysia?	Syarikat perlu mengemukakan permohonan lesen dengan APAD dan mematuhi segala kriteria dan keperluan minimum mengikut garis panduan pelesenan terminal depoh kontena.
14.	Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan sekiranya pemilik atau pihak yang menjalankan operasi terminal tidak berlesen dengan APAD?	Jika sabit kesalahan, syarikat boleh <b>didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.</b>

	Soalan	Jawapan
15.	Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan sekiranya pemegang lesen terminal tidak mematuhi syarat-syarat lesen?	Jika sabit kesalahan, syarikat boleh <b>didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.</b>
16.	Saya ada pertanyaan lanjut mengenai pelesenan depoh kontena. Kepada siapa saya harus saya ajukan pertanyaan tersebut?	Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan pelesenan boleh diajukan menerusi e-mel kepada <a href="mailto:ukb@apad.gov.my">ukb@apad.gov.my</a> dan pertanyaan berkaitan sistem iSPKP boleh diajukan menerusi e-mel kepada <a href="mailto:pertanyaan_iSPKP@apad.gov.my">pertanyaan_iSPKP@apad.gov.my</a> . Pertanyaan akan diberi maklum balas dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.



## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT